



**BORANG PERMOHONAN PEMBANGUNAN INDUSTRI HILIRAN TERNAKAN NEGERI
PERAK (DELI) JABATAN VETERINAR NEGERI PERAK
TAHUN _____**

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BENGKEL

☐

PEMBANGUNAN PELBAGAI JENIS MESIN DAN PERALATAN

☐

Gambar
Pemohon

BAHAGIAN 1 (MAKLUMAT PEMOHON)

1. Nama Pemohon :
2. Nama Syarikat :
3. No. Kad Pengenalan :
4. Umur :
5. Keturunan :
6. Jantina :
7. Taraf Pendidikan :
8. Alamat Rumah :
9. No. Telefon :
10. No. Fax :
11. Email :

BAHAGIAN 2 (MAKLUMAT KAWASAN PROJEK)

12. Negeri :
13. Daerah :
14. Kampung :
15. Kawasan Parlimen :
16. Kawasan ADUN :
17. Alamat Projek/Premis :
18. Bacaan GPS :

BAHAGIAN 4. (PERAKUAN PEMOHON)

- a) Saya mengaku bahawa semua butir/maklumat yang diberikan di atas adalah benar
 b) Saya bersetuju mematuhi syarat penerimaan bantuan yang diberikan

Tandatangan
 Pemohon :
 Tarikh :

BAHAGIAN 5. (SOKONGAN OLEH PENERUSI PENGHULU/ JKKK)*** PERMOHONAN DISOKONG/ TIDAK DISOKONG**

Jika tidak disokong, sila nyatakan sebab-sebab:-

.....
 Tandatangan :
 Tarikh :
 Nama/Cop Jawatan :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**BAHAGIAN 6. LAPORAN OLEH PEGAWAI PENYIASAT – (PEJABAT VETERINAR DAERAH)**

- (i) Nama Jabatan/ Agensi :
 (ii) Tarikh Permohonan Diterima:
 (iii) Maklumat * : Lengkap / Tidak Lengkap.
 (iv) Jika tidak, Nyatakan :
 (v) Tarikh Lawatan :
 (vi) Komen :

Tandatangan :
 Tarikh :
 Nama/Cop Jawatan :

Syarat-Syarat Permohonan

1. Permohonan terbuka kepada pengusaha yang telah menjalankan perusahaan industri hiliran dan berminat dan berpotensi untuk menjalankan Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects (DELI)*.
2. Permohonan perlu dikemukakan menggunakan Borang Permohonan yang boleh didapati di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berhampiran.
3. Pemohon hendaklah pengusaha yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.
4. Berpengalaman dalam bidang penternakan sekurang-kurangnya 2 tahun, keutamaan kepada pengalaman dalam bidang pengeluaran produk industri hiliran dan juga ternakan.
5. Setiap pemohon **WAJIB** mempunyai bangunan atau bengkel. Bagi pemohon projek di atas tanah bukan milik pemohon, surat perjanjian daripada pihak berkaitan yang disahkan oleh pihak berkuasa perlu disertakan.
6. Pelaksanaan Geran Pemadanan 50 : 50, Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects (DELI)* ini adalah ditetapkan seperti berikut :
7. Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects (DELI)* di atas tanah kerajaan atau tanah milik oleh pemohon bagi perolehan mekanisasi moden pemprosesan produk yang tidak mampu dibiayai oleh pihak usahawan bagi meningkatkan kebersihan, keselamatan dan produktiviti hasil produk oleh peserta.
Nota : Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak akan melaksanakan perkhidmatan atau perolehan bekalan yang berkaitan sepenuhnya, manakala upah atau kerja pembinaan dan menaiktaraf perlu dilaksanakan oleh peserta sendiri dalam tempoh 90 hari setelah perbekalan dilaksanakan.
8. Projek sedang berjalan dan mempunyai kemampuan kewangan yang terhad dalam menaiktaraf bengkel pemprosesan.
9. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak tidak akan terikat dan terlibat dengan sebarang tuntutan daripada pihak pemohon / peserta untuk tujuan tuntutan hak milik tanah kepada mana-mana pihak berkuasa.
10. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai sedang melaksanakan projek industri hiliran berasaskan ternakan berkaitan dan memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan.
11. Berupaya dan berkemampuan dalam menyelenggara dan membaik-pulih serta memulihara bengkel pemprosesan makanan produk.
12. Pemohon perlu merekod setiap kerja / aktiviti yang dijalankan dan melaporkan ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak sepanjang tempoh projek dijalankan (sekurang-kurangnya 5 tahun).

13. Pemohon perlu mematuhi Jadual Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects* (DELI), yang dirangka oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.
14. Bahan bagi menaiktaraf yang dibekalkan **TIDAK SAMA SEKALI** dibenarkan dipindah milik atau dipindahkan lokasi atau ditukar dengan tidak mendapat persetujuan daripada pihak jabatan.
15. Pemohon terpilih dikehendaki menyediakan penyata pengeluaran bagi rujukan dan semakan pihak jabatan bagi menilai kemampuan pasaran produk oleh pemohon.
16. Pemohon juga dikehendaki mengemukakan rancangan perniagaan, profail kelompok (*bagi pemohon yang baharu iaitu pengusaha yang berusia dibawah 2 tahun*) dan dokumen-dokumen berkaitan seperti yang dikehendaki di dalam borang permohonan
17. Pemohon **WAJIB** bersetuju ditamatkan kontrak sekiranya perjanjian usahasama dalam Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects* (DELI) dengan pihak kerajaan **TIDAK DIPATUHI** oleh syarikat tanpa menuntut sebarang pampasan.

Prosedur Pelaksanaan Program (Peringkat Jabatan)

Bagi prosedur kewangan untuk perolehan perkhidmatan dan perolehan input-input yang berkaitan bagi Projek Pembangunan Infrastruktur Bengkel Pemprosesan Produk Hiliran Ternakan, Program Pembangunan Industri Hiliran Ternakan Negeri Perak / *Downstream Livestock Industries Developments Projects* (DELI) adalah mengikut prosedur kewangan sedia ada sebagaimana didalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) seperti berikut :

1. Perolehan kerja-kerja, perkhidmatan atau perbekalan setempat, dibuat khas (*custom made*), bahan-bahan mudah rosak (*perishable item*) dan bahan-bahan asas pembinaan dan pertukangan RM 20,000.00 kebawah dengan menggunakan kaedah perbandingan 3 sebutharga menggunakan minit bebas.
2. Perolehan bekalan bahan berpusat mengikut lokaliti daerah akan dilaksanakan yang diuruskan oleh Unit Perancang & Penilaian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak seperti perolehan bahan-bahan asas pembinaan dan pertukangan yang berkaitan sebagaimana yang dipohon oleh peserta melalui sebut harga A, sebut harga B atau Tender, mengikut keperluan mana-mana yang diperlukan jika sesebuah lokaliti daerah tersebut telah melebihi jumlah siling RM 20,000.00 (*membawa maksud lebih daripada 2 orang pengusaha / daerah / tahun*).